

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL 1 TAHUN 2002**

---

**PROSEDUR PERMOHONAN PINDAHMILIK TANAH YANG  
DIBERI KEISTIMEWAAN BAGI PEMAJU-PEAMJU YANG  
MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA  
PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

---

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 5 Jun 2002 telah membuat keputusan memberi keistimewaan kepada Pemaju-Pemaju yang menyertai EXPO Hartanah Malaysia Peringkat Negeri Kelantan.

2. Keistimewaan-Keistimewaan yang telah diberikan adalah sebagaimana Pekeliling PTG.KN. 2/2002 bertarikh 18 Julai 2002. Untuk melaksanakan keputusan MMK tersebut semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil langkah seperti dilampiran 1.

3. Arahan yang dikeluarkan ini berkuatkuasa pada tarikh kuatkuasa Pekeliling PTG.KN.2/2002 iaitu pada 18 Julai 2002.

**t.t**

**( Abdul Halim bin Hj. Ahmad )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA :**

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBr. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2 (58)**

**BERTARIKH : 21 JULAI 2002**

## **LAMPIRAN**

### **PROSEDUR PENDAFTARAN PINDAH MILIK TANAH YANG DIBERI KEISTIMEWAAN BAGI PEMAJU-PEMAJU YANG MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

#### **A. PERMOHONAN**

1. Permohonan yang diterima hendaklah disertakan dokumen-dokumen berikut:
  - a) Borang Pindahmilik (Borang 14A) yang lengkap.
  - b) Borang Gadaian (Borang 16A) jika melibatkan gadaian.
  - c) Salinan Sah Perjanjian jual beli jika ada.
  - d) Salinan Sah dokumen-dokumen yang dapat menentukan status bakal penerima pindahmilik berkenaan.(Sebagai contoh salinan kad pengenalan, sijil lahir individu berkaitan, pengesahan Ketua Jabatan, rekod perkhidmatan dan akuan sumpah yang berkaitan.)
  - e) Salinan sah Sijil Peserta Expo Hartanah Malaysia (MAPEX).
  - f) Salinan resit hasil tanah semasa.
  - g) Bayaram memfail permohonan.
  - h) Bayaran Sijil kebenaran Pindahmilik di bawah Seksyen 104 Enakmen 1938.

#### **B. SIASATAN**

1. Pentadbir Tanah hendaklah membuka fail siasatan ringkas untuk menentukan status sebenar bakal penerima pindahmilik.
2. Setelah siasatan dibuat fail berkenaan hendaklah diangkat kepada PTG untuk pengesahan dan penyediaan Sijil Kelulusan Pindahmilik di bawah Seksyen 104 Enakmen 1938.